



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN JEPUN TERIMA BAIK CADANGAN KERJASAMA DALAM SEKTOR PEMBINAAN MALAYSIA

Saya berbesar hati dengan kesudian Timbalan Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun TYT Kokuba Konosuke menerima kunjungan saya dan delegasi Kementerian Kerja Raya (KKR) di pejabat beliau di Tokyo semalam. Pertemuan ini menjadi kesinambungan hubungan baik antara Malaysia dan Jepun yang telah dimeterai sejak 65 tahun yang lalu.

Semasa pertemuan empat mata di antara saya dan TYT Kokuba, kami telah berbincang dan bertukar-tukar pandangan melibatkan polisi pembinaan kedua-dua negara dan bertekad untuk memperkukuhkan lagi kerjasama strategik dalam sektor teknologi dan digitalisasi pembinaan, infrastruktur jalan, pengurusan bencana dan cerun, perkongsian maklumat berhubung kait pengurusan dan penyelenggaraan lebuh raya dan cerun serta pertukaran tenaga kepakaran dan teknikal antara Malaysia dan Jepun.

Ini selaras dengan tema Dasar Pembinaan Negara 2030 iaitu Pendigitalan Sektor Pembinaan Negara.

Dalam hal ini saya yakin Malaysia dapat memanfaatkan kepakaran teknologi Jepun dalam sektor pembinaan dan infrastruktur.

Selain itu, perbincangan turut tertumpu kepada potensi kerjasama yang boleh diteroka oleh kedua-dua pihak dalam sektor pembinaan.

Kedua-dua pihak juga telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut dalam aspek teknikal di peringkat pegawai kedua-dua pihak.

Saya juga amat teruja dan menghargai persetujuan maklum balas daripada pihak Jepun yang bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan dan jemputan program antarabangsa anjuran agensi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang akan diadakan pada tahun ini. Dua program yang akan dilaksanakan adalah Highway Concession Conference pada 24 - 25 September 2024 dan International Construction Week pada November 2024.

Saya berharap pertemuan empat mata ini akan memberi hasil positif dengan dimuktamadkan menerusi Perjanjian Persefahaman (MoU) yang dihasratkan untuk dimeterai pada suku kedua 2024 dan seterusnya pada program KKR sempena Ekspo Dunia Osaka 2025.

Perjanjian persefahaman ini juga diharapkan dapat membuka peluang kepada pemain industri sektor pembinaan Malaysia meneroka pasaran Jepun selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang mana Malaysia dan Jepun adalah ahli di dalam CPTPP ini.

Turut hadir dalam pertemuan ini adalah Duta Besar Malaysia ke Jepun, Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Timbalan Ketua Setiausaha KKR (Sektor Dasar & Pembangunan) Dato' Zahrul Hakim Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Binaan) Yang Menjalankan Tugas Ketua Pengarah Kerja Raya Dato' Ir Badioezaman Ab Khalik, Ketua Eksekutif CIDB Dato' Sr. Mohd Zaid Zakaria dan Ketua Pengarah LLM Dato' Ir Sazali Harun.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
25 APRIL 2024